

# Rakyat tersinggung: PM

9 DEC 1993 P

LANGKAWI, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bantahan yang disuarakan oleh rakyat Malaysia berhubung kenyataan Perdana Menteri Australia, Paul Keating, terhadapnya disebabkan mereka tersinggung mengenai perkara itu.

Menurut Perdana Menteri, reaksi itu, yang turut dikemukakan oleh pemimpin kerajaan, menggambarkan luahan sebenar perasaan rakyat terhadap perkataan bersifat peribadi yang digunakan oleh Keating terhadapnya.

"Secara umum, ia menggambarkan perasaan sebenar seluruh rakyat Malaysia dan saya rasa itu adalah luahan hati mereka. Saya tidak

mengarankan mereka berbuat demikian," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai bantahan rakyat Malaysia terhadap tindakan Keating memanggil Dr Mahathir 'keras kepala' kerana tidak menghadiri Sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, Amerika Syarikat, bulan lalu.

Keating enggan memohon maaf berikutan kenyataannya itu dan suratnya yang dihantar kepada Dr Mahathir minggu lalu tidak menampakkan sikap untuk berbaik semula.

Dr Mahathir berkata, seseorang individu terutama pemimpin, bebas mengkritik

orang lain sejajar dengan konsep demokrasi tetapi tidak harus menggunakan perkataan yang menghentam peribadi pemimpin lain.

Katanya, Malaysia pernah mengkritik negara luar seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Russia tetapi sentiasa memastikan perkataan yang digunakan tidak bersifat peribadi.

Beliau berkata, Malaysia tidak memusuhi Australia tetapi kebanyakan rakyat negara ini menganggap kenyataan Keating itu sebagai sesuatu yang tidak harus diuatkannya.

Ditanya mengenai tindakan sesetengah menteri Kabinet terhadap Australia, Perdana Menteri berkata, beliau

tidak pernah mengarahkan mana-mana menteri supaya mengambil tindakan, sebaliknya memberi kebebasan sepenuhnya kepada mereka untuk bertindak.

"Bukan tabiat saya mengarahkan menteri mengenai perkataan yang harus dikeluarkan dan jika berbuat demikian, saya akan dituduh diktator dan tidak bertolak ansur," katanya.

Ditanya sama ada beliau mahu Keating memohon maaf melalui saluran yang betul, Dr Mahathir berkata, beliau tidak meminta demikian tetapi perlu memastikan bahawa beliau (Keating) benar-benar berkata demikian.

Beliau bagaimanapun eng-

**LIHAT MUKA 2**

## Rakyat tersinggung: Mahathir

DARI MUKA 1

gan mengulas mengenai berita kononnya Keating sudah menyatakan kekesalan berhubung kenyataannya dengan memberi alasan tindakan itu berbahaya.

"Saya tidak boleh memberi ulasan sebaik saja mendapat tahu mengenai sesuatu perkara daripada orang kerana itu adalah satu tindakan yang berbahaya," katanya.

Beliau menyifatkan Keating tersilap memberi reaksi mengenai ketidakhadirannya (Dr Mahathir) di sidang Apec selepas ditanya bertalu-talu oleh wartawan.

Mengenai penangguhan Sidang Kemuncak Keempat G-15 di New Delhi, India pada 13 hingga 15 Disember ini, Dr Mahathir berkata, beliau akan tetap ke negara itu kerana beberapa perkara mengenai hubungan dua hala akan dibincangkan.

"Saya akan meneruskan temujanji saya dengan Perdana Menteri India, Narasimha Rao," katanya.